

SABTU, 9 APRIL 2016 @ 3:38 PM Karnival Mini Seasons Square bermula hari ini

Oleh Faris Fuad [faris.fuad@bh.com.my](mailto:faris.fuad@bh.com.my)



*Mustapha bermesra dengan kanak-kanak yang menghadiri Karnival Mini di Kompleks Seasons Square, Damansara Damai, Petaling Jaya, hari ini. - Foto Saddam Yusoff*

PETALING JAYA: Orang ramai berpeluang menghadiri Karnival Mini anjuran MK Land Holdings Bhd selama dua hari bermula hari ini, di Kompleks Seasons Square, Damansara Damai, di sini.

Karnival bertemakan 'Komuniti Damai, Anak-anak Ceria' itu bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan kanak-kanak setempat.

Antara aktiviti disediakan ialah permainan tradisional seperti batu seremban, galah panjang dan ceper, futsal dan tarian maskot program kanak-kanak Chichi Chacha.

Yang turut hadir ialah Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Mohd Azizi Mohd Zain; Pengasas Utama MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar dan Pemangku Pengerusi merangkap Pengarah Eksekutif MK Land, Felina Mustapha Kamal.